

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji membincangkan mengenai pelbagai pendapat dan dapatan kajian yang ada kaitan dengan analisis wacana.

2.1 PENGERTIAN WACANA

Etimologi perkataan wacana berasal daripada bahasa Jawa iaitu *wócónó*. Kata dasar *wócónó* pula ialah *wócó* yang bererti baca. Dalam bahasa Inggeris pula, wacana bermaksud *discourse*. *Discourse* pula berasal daripada bahasa Latin iaitu *discursus* yang bererti “larian ke dan dari”. Perkataan ini sering digunakan dalam kajian semantik dan analisis wacana bagi merujuk kepada bahasa lisan, tulisan atau perbahasan (Ebah Suhaebah, 1992).

Penerangan umum yang sering digunakan bagi mentakrif wacana ialah unit bahasa yang lengkap dan tertinggi. Wacana ialah unit bahasa yang melebihi batas ayat. Wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian, dialog, bab, buku, siri buku dan sebagainya yang memperlihatkan hubungan dan perkembangan fikiran yang berurutan dan lengkap (Asmah Hj Omar, 1980a). Dalam sesebuah wacana, perkaitan antara unit bahasa yang terlibat melahirkan kesatuan bahasa yang utuh. Sesuatu wacana, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan diujarkan bagi menyampaikan sesuatu maklumat tentang sesuatu topik.

Wacana adalah kata yang sering digunakan oleh masyarakat dewasa ini. Banyak pengertian merangkumi perkataan wacana ini. Dalam lapangan sosiologi, wacana merujuk kepada hubungan konteks sosial dari penggunaan bahasa. Manakala dalam linguistik, wacana adalah unit bahasa yang lebih besar daripada kalimat. Menurut Labov

(1972), wacana adalah kadangkala sebagai bidang dari semua pernyataan (*statement*), kadangkala sebagai individualisasi kelompok pernyataan, dan kadangkala sebagai praktik regulatif yang dilihat dari sejumlah pernyataan.

Wacana bukanlah unit sintaksis atau tatabahasa seperti klausa dan ayat. Ia juga bukan berfungsi sekadar menghimpunkan ayat-ayat untuk menjadi teks. Wacana dilihat sebagai apa sahaja penggunaan bahasa yang sebenar dalam konteks kehidupan masyarakat yang sebenar tanpa mengambilkira saiznya yang panjang atau pendek. Ia boleh dianggap sebagai *super-sentence* yang lebih besar daripada unit-unit tatabahasa lain yang berada di bawahnya. Hal ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:1-2) seperti berikut:

“A text is a unit of language in use. It is not a grammatical unit, like a clause or a sentence; and it is not defined by its size. A text is sometimes envisaged to be some kind of super-sentence, a grammatical unit that is larger than a sentence but is related to a sentence in the same way that a sentence is related to a clause...”

Manakala Suladi et.al. (2000) pula, dalam kajiannya yang bertajuk “Kohesi dalam Media Massa Cetak Bahasa Indonesia Studi Kasus Tentang Berita Utama dan Tajuk menyatakan bahawa:


“... wacana adalah tataran yang paling besar dalam hierarki kebahasaan dan merupakan satuan bahasa, baik lisan maupun tertulis, yang tersusun berkesinambungan dan membentuk suatu kepaduan.” (2000:1)

Harimurti Kridalaksana (1978) pula, memperincikan wacana sebagai “satuan bahasa lengkap dan bukanlah kata atau kalimat sebagaimana yang dianggap oleh beberapa kalangan dewasa ini melainkan wacana.”

Tarigan (1995:36), memberi gambaran yang lengkap mengenai wacana seperti berikut:

“wacana adalah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi tinggi yang berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan atau tertulis.”

Dengan takrifan yang diberikan oleh para ahli linguistik, wacana sebagai tingkat fungsional terletak di atas dalam urutan satuan bahasa linguistik. Rajah 2.1 dapat menjelaskan lagi struktur kedudukan wacana dalam bahasa.



Rajah 2.1: Hieraki Satuan-Satuan Bahasa
(Henry Guntur Tarigan, 1995:37)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa istilah wacana merujuk kepada kesatuan bahasa yang paling lengkap dalam bentuk pertuturan dan penulisan dengan unsur kohesi dan koheren yang tinggi. Jadi, usaha mengkaji bahasa yang lebih menyeluruh dan melampaui batas ayat dikatakan sebagai analisis wacana.

2.2 PENGERTIAN ANALISIS WACANA

Labov (1972) telah menyatakan bahawa dalam analisis wacana, klausa atau ayat tidak menjadi unit kajian seperti yang ditakrifkan dalam tatabahasa, akan tetapi ia merupakan unit fungsian (*functional*) yang boleh direalisasikan daripada klausa atau ayat.

Menurut Eriyanto dalam bukunya yang bertajuk Analisis Wacana: Pengantar Analisis Teks Media (2001:3) berkata bahawa:

“Analisis wacana dalam studi linguistik ini merupakan reaksi dari bentuk linguistik formal yang lebih memperhatikan pada unit kata, frasa, atau kalimat semata tanpa melihat keterkaitan di antara unsur tersebut. Analisis wacana, kebalikan dari linguistik formal, justru memusatkan perhatian pada level di atas kalimat seperti hubungan gramatikal yang terbentuk pada level yang lebih besar dari kalimat.”

Brown dan Yule (1983:1) menyatakan bahawa analisis wacana adalah pengkajian ke atas penggunaan bahasa sebenar. Ia telah dijelaskan seperti berikut:

“The analysis of discourse is, necessarily, the analysis of language in use. As such, it cannot be restricted to the purpose of functions which those forms are designed to serve in human affairs... the discourse analyst is committed to an investigation of what that language is used for.”

Menurut Wong Khek Seng (1995:7) pula, analisis wacana merujuk kepada usaha mengkaji bahasa yang lebih menyeluruh yang melampaui peringkat klausa atau peringkat ayat. Hal tersebut merupakan bidang pelbagai disiplin kerana analisis wacana itu sendiri memerlukan sokongan pengetahuan daripada pelbagai disiplin.

Selain itu, Cook (1994) menerangkan analisis wacana seperti berikut:

“Discourse analysis concerns the interaction of texts with knowledge of context to create discourse... discourse analysis is the study and the explanation of this quality of coherence (purposeful, meaningful and connected). A discourse is a coherent stretch of language... Discourse analysis must therefore be both a study of the formal linguistic qualities of stretches of language (texts), and a study of the variable perception of these stretches of language by individuals and groups (1994:23-25).”

Beliau telah mengkaji teks berlandaskan kepada pengetahuan konteks atau persepsi pengguna bahasa yang berbeza-beza. Kajian analisis wacana mempunyai penerangan tentang kualiti koheren dalam bahasa. Oleh itu, ia mengambil kira makna daripada konteks untuk diberikan kepada pengguna teks dan ianya mesti kelihatan tepat dan sesuai dari segi makna dan perkaitan.

2.3 TINJAUAN KAJIAN ANALISIS WACANA DI LUAR NEGARA

Kajian analisis wacana di barat mempunyai sejarah yang panjang. Istilah analisis wacana mula diperkenalkan apabila Zellig Harris menerbitkan artikel yang bertajuk *‘Discourse Analysis’* pada tahun 1952. Harris yang menggunakan pendekatan Bloomfield telah mengariskan kaedah menganalisis teks ucapan dan tulisan tanpa bergantung kepada pengetahuan terhadap makna setiap morfem secara berasingan (Coulthard 1985:3-4).

Di Eropah terdapat sarjana linguistik terutamanya di England yang berpegang kepada Aliran Struktural yang menghasilkan kajian yang melepasi batasan ayat. Di samping itu, perkembangan bidang kajian analisis wacana di England juga dipengaruhi

oleh kajian yang dilakukan di Universiti Birmingham. Sarjana yang menganuti teori dan pendekatannya dikelompokkan dalam aliran Birmingham. Antaranya ialah Sinclair (1993) yang menghasilkan satu model untuk menghuraikan struktur interaksi perbualan antara guru dengan murid berdasarkan satu tatatingkat unit-unit wacana (Asmah Yusoff, 2003:68).

Di Britain, kajian wacana diilhamkan oleh Firth (1969) yang menegaskan bahawa bahasa hanya mempunyai makna apabila berada dalam konteks situasi. Firth juga mendakwa bahawa proses mendeskripsi bahasa harus bermula dengan pengumpulan teks yang jelas konteksnya. Tujuan deskripsi ini ialah untuk menjelaskan bagaimana ayat atau ujaran mempunyai makna tatkala berada dalam konteks (Coulthard 1985:1). Usaha ini kemudiannya diteruskan oleh Halliday (1976) yang menggunakan pendekatan dalam fungsian dalam kajian bahasa. Pengaruh Halliday sangat besar dan ramai ahli bahasa yang memanfaatkan teori dan model kajiannya.

Perkembangan analisis wacana di barat memang mengagumkan dengan terhasilnya banyak penulisan, penghasilan buku dan kajian. Berikut adalah beberapa sorotan kajian yang telah dilakukan di barat dalam bidang analisis wacana. Witte dan Faigley (1981) mendapati bahawa lima karangan baik secara holistik mempunyai kohesi yang lebih banyak berbanding lima karangan yang lemah. Kajian mereka menunjukkan bahawa karangan baik mengandungi kohesi leksikal kolokasi yang paling banyak sementara karangan yang lemah mengandungi kohesi leksikal pengulangan.

Beaugrande, R. dan Dressler, W. (1981) menyatakan kohesi adalah salah satu daripada tujuh faktor ketekstualan. Mereka berpendapat kohesi berperanan untuk menghubungkan komponen teks luaran di dalam satu urutan. Kedua-dua tokoh ini

membahagikan kohesi mengikut teori linguistik iaitu perulangan, bentuk ganti, elipsis, kata dan aspek, penghubung, perspektif tugas ayat dan intonasi. Kategori-kategori yang diwujudkan dalam pembahagian ini berlainan tetapi ia merangkumi aspek yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Selain daripada itu, terdapat juga kajian perbandingan antara bahasa, iaitu bahasa Inggeris dengan bahasa Arab oleh Elshershahi, Muhammad (1985). Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan sarana kohesi dengan tepat dalam karangan pelajar akan menjadikan karangan tersebut sebagai karangan yang baik dari segi pengolahan isi dan memberi maklumat yang rapi dan bermakna.

Parsons (1990) telah menjalankan satu kajian dengan memfokuskan kepada kohesi dan koheren dalam penulisan saintifik. Beliau telah menjalankan kajian ini dengan membuat perbandingan ke atas sekumpulan pelajar penutur asli dan sekumpulan pelajar luar negara untuk mengetahui hasilnya. Dapatan kajian menunjukkan pelajar penutur asli menulis teks yang lebih kohesi dan koheren berbanding dengan pelajar luar negara.

Nesi dan Basturkmen (2006) telah menjalankan kajian yang bertajuk '*Lexical Bundles and Discourse Sinnalling in Academic Lectures*'. Kajian ini telah membincangkan tentang pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk mengkategorikan sarana kohesi dengan merujuk kepada wacana lisan dalam akademik, pelbagai-unit perkataan dan kekerapan perkataan (ikatan leksikal). Kajian ini mengkaji peranan kohesi dalam ikatan leksikal yang melibatkan 160 kuliah di universiti.

2.4 TINJAUAN KAJIAN ANALISIS WACANA DI MALAYSIA

Kajian analisis wacana di Malaysia telah bermula pada pertengahan tahun 1960-an. Muhammad Yunus Maris (1992) boleh dianggap sebagai pengkaji pertama yang menggunakan kaedah analisis wacana dalam bahasa Melayu. Dalam artikelnya yang bertajuk 'Keperihalan Keadaan: Satu Teknik Menganalisa Makna', beliau menghubungkan ganti nama dengan makna yang sesuai berdasarkan keperihalan keadaan.

Setelah itu, satu dekad kemudian, iaitu pada tahun 1978, baru wujud satu lagi artikel yang berjudul 'Keutuhan Wacana' oleh Harimurti Kridalaksana (1978: 507-517) yang menerangkan tentang konsep analisis wacana. Beliau berpendapat bahawa dengan melihat unsur-unsur bahasa yang ada, seorang ahli bahasa dapat menentukan sama ada sesuatu teks itu merupakan wacana ataupun hanya sekumpulan perkataan atau ayat yang tidak teratur. Menurutnya lagi, dengan melihat keutuhan sesebuah wacana, pengkaji bahasa dapat memahami hubungan bahasa dengan alam di luar bahasa secara lebih mendalam.

Pada tahun 1978 juga, Harimurti Kridalaksana mengkaji 'nya' sebagai penanda anafora. Ia diikuti pula dengan Lufti Abas (1978) yang menghasilkan artikel yang bertajuk 'Analisis Wacana Sebuah Cerpen'. Beliau menghasilkan satu lagi artikel pada tahun 1982 yang bertajuk 'Keindahan Sastera Melalui Analisis Wacana'. Walau bagaimanapun, artikel ini lebih cenderung kepada aspek stilistik (Wong Khek Seng 1992: 442).

Pada tahun 80-an, analisis wacana mula mendapat perhatian ahli-ahli bahasa tempatan. Asmah Haji Omar (1980a, 1980b) telah menghasilkan dua buah artikel yang

berjudul 'Analisis Wacana'. Dalam bahagian pertama (1980a) beliau telah membincangkan dua perkara, iaitu ciri-ciri wacana dan sejarah perkembangan analisis wacana di barat. Manakala di bahagian akhir (1980b) Asmah telah membincangkan tentang tiga kaedah analisis wacana.

Artikel-artikel lain yang diterbitkan dalam jurnal adalah seperti artikel Khatijah Abdul Hamid (1996) yang berjudul ' Wacana dalam teks Penulisan: satu Tinjauan tentang Pertautan Berdasarkan Analisis Kohesi dan Koheren' dan artikel Raja Masittah Ariffin (2000) yang bertajuk 'Genre Laporan Berita dalam Akhbar: Satu Analisis Wacana' (Mohd. Azidan bin Abdul Jabar, 2003).

Kajian tentang analisis wacana secara lebih serius telah dilakukan pada peringkat latihan ilmiah, sarjana dan kedoktoran. Berikut adalah beberapa sorotan kajian yang telah dijalankan pada peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran. Azman Atan (1986) telah menghasilkan latihan ilmiah yang berjudul 'Pautan dalam Wacana' yang mengkaji pautan (kohesi) antara klausa dan intra klausa dalam sebuah cerpen Bahasa Melayu.

Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah (1991) telah menghasilkan tesis Ph. D yang berjudul 'Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah'. Beliau menggunakan Teori Linguistik Struktural-Fungsian yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan dalam kajiannya. Dalam kajian ini, Sato menganalisis bentuk nahuan dan penyebaran ayat dalam wacana yang terdapat dalam karya sastera klasik iaitu Hikayat Hang Tuah.

Pada tahun 1993 Azhar telah menjalankan satu kajian yang berjudul 'Sintaksis Wacana "Yang" dalam Bahasa Melayu. Kajian ini adalah kajian nahu yang berdasarkan wacana. Beliau membuat kajiannya dengan menerapkan kerangka Teori Tagmemik

yang dimajukan oleh Pike dan Pike (1977). Sampel yang digunakan oleh beliau adalah sebuah cerpen yang memenangi hadiah pertama dalam peraduan menulis cerpen kebangsaan pada tahun 1979.

Wong Fook Khoo (1996), pula mengkaji perbandingan antara sarana kohesi yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian ini dilakukan dengan membandingkan sebuah teks terjemahan dalam bahasa Melayu dengan teks asalnya dalam bahasa Inggeris. Kajian beliau menyokong model yang dikemukakan oleh Halliday dalam mengenal pasti berbagai-bagai jenis makna fungsional yang terdapat dalam sebuah teks untuk menyampaikan mesej dengan tepat.

Manakala dalam dunia pendidikan bahasa Melayu, kajian yang dijalankan oleh Khatijah Abdul Hamid (1997) telah menjadi perintis dalam meneliti kohesi dan koheren. Kajian beliau bertajuk ‘ Analisis Kohesi dan Koheren dalam Karang Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah Menengah’. Dalam kajiannya beliau menerangkan secara terperinci tentang konsep analisis kohesi dan koheren mengikut model Halliday dan Hasan (1976) yang diterapkan dalam Bahasa Melayu. Analisis kohesi yang dibuat adalah untuk mengenal pasti pencapaian tautan-tautan dan alat kohesif di antara ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan dalam karangan sampel.

Mohammad Azam Ahmad (2000) pula menjalankan kajian terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan dengan mengemukakan kriteria-kriteria seperti tautan, kepaduan makna, topik pembicaraan dan penulisan berdasarkan proposisi. Seramai 80 orang pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan wawasan menerima pengajaran tentang kriteria manakala satu lagi kumpulan iaitu kumpulan konvensional tidak menerima pengajaran. Didapati

kumpulan wawasan dapat menautkan ayat dan idea manakala kumpulan konvensional sebaliknya. Beliau berpendapat kriteria-kriteria yang disebutkan tadi adalah penting dalam membimbing para pelajar bagi menghasilkan karangan yang bertautan dan mempunyai kepaduan makna.

Pada tahun 2001, Idris telah membuat satu kajian dengan menganalisis teks ucapan perutusan tahun baru yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad. Teks ucapan tersebut dikumpul dari tahun 1982 hingga 1999 untuk dijadikan sampel kajian. Idris menerapkan kerangka teoritikal analisis wacana kritis yang dikemukakan oleh Fairclough (1995) dalam kajiannya. Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan wacana adalah sebahagian daripada proses sosial di samping cara bahasa dimanfaatkan oleh pemimpin negara dalam pentadbiran.

2.5 TINJAUAN KAJIAN ANALISIS WACANA BERITA DI LUAR NEGARA

Sejak dari tahun 1970-an lagi, kajian-kajian telah dilakukan terhadap wacana berita tetapi kajian pada akhir 1970-an lebih tertumpu kepada aspek penerbitan, kandungan dan organisasi media (Asma Yusoff, 2003).

Pada tahun 1980-an, penyelidikan terhadap wacana berita telah meningkat. Bolivar (1986) telah menjalankan kajian terhadap rencana pengarang. Kajian Bolivar ini mendapati bahawa terdapat tiga bahagian struktur yang tetap dalam rencana pengarang surat khabar Inggeris iaitu '*lead*', '*follow*' dan '*value*'. Van Dijk (1981) telah menjalankan kajian terhadap berita dengan mengemukakan satu model bagi menganalisis struktur laporan berita. Beliau telah memperkenalkan struktur yang dikenali sebagai skema berita. Struktur ini dibahagikan kepada dua, iaitu ringkasan dan cerita. Ringkasan meliputi tajuk berita dan pendulu manakala cerita pula adalah situasi

dan komentar. Tajuk berita dan pendulu menunjukkan tema yang ingin disampaikan oleh wartawan dalam pemberitaannya manakala cerita merupakan isi keseluruhan.

Gunasekara (1989), telah menjalankan kajian yang berjudul '*Discourse Genres in English Newspapers of Singapore*'. Beliau telah mengkaji dua jenis teks yang terdapat dalam surat khabar, iaitu teks berita pendulu dan rencana pengarang. Gunasekara telah menggunakan model Analisis Struktural Berita yang dicadangkan oleh Van Dijk. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini berbeza daripada dapatan kajian Van Dijk (1988) dari segi kategori wajib dan pilihan.

Bell (1991) telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk '*The Language of News Media*'. Bell telah membuat analisis terhadap laporan berita dengan melihat kategori yang membentuk struktur berita berdasarkan kajian Van Dijk, Labov dan pengkaji-pengkaji lain. Beliau mendapati kebanyakan kategori yang diperkenalkan oleh Van Dijk dan pengkaji lain diperlukan dengan beberapa penglabelan dan penambahan.

Suladi et.al. (2000), telah menjalankan kajian yang berjudul "Kohesi dalam Media Massa Cetak bahasa Indonesia Studi Kasus tentang Berita Utama dan Tajuk". Dalam kajian ini, beliau menumpukan perhatian terhadap berita utama dan tajuk sahaja. Hasil kajian menunjukkan penggunaan sarana kohesi tertentu dalam wacana berita utama sangat domain. Kohesi yang domain digunakan dalam penulisan berita ialah kohesi rujukan yang berupa kata ganti penunjuk dan diikuti oleh kohesi rujukan ganti personal dan kohesi konjungsi relatif.

Sandhya Nayak (2002) telah menjalankan kajian yang memperlihatkan kohesi antara ayat dalam bahasa iklan yang digunakan dalam media cetak. Beliau memberi

tumpuan utama kepada penggunaan bahasa dari segi sintaksis. Walau bagaimanapun, beliau merupakan perintis yang menyenaraikan sarana kohesi yang terdapat dalam bahasa iklan. Daripada kajian ini, dapat dilihat beberapa sarana kohesi yang kerap digunakan dalam wacana iklan, iaitu pronominal, rujukan anafora dan konjungsi.

Morley (2006) pula menjalankan kajian yang bertajuk ‘*lexical cohesion and rhetorical structure*’ yang berasaskan kepada tajuk berita dalam akhbar berbahasa Inggeris. Pada mulanya beliau mengkaji tentang hubungan kohesi secara semula jadi untuk menentukan perbezaan dalam jenis kohesi leksikal yang menyumbang kepada struktur retorik sesebuah teks. Ia adalah berdasarkan kepada teori Halliday dan Hasan (1976) bagi mengenal pasti bidang semantik dan hubungan logik antara perkataan yang menyumbang kepada pergerakan retorik dalam wacana. Kemudian beliau mengkaji tentang jenis kohesi leksikal yang mempunyai hubungan dengan tajuk berita akhbar yang juga menentukan jenis struktur tatabahasa yang digunakan untuk menyampaikan hujahnya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kohesi leksikal bukan sahaja berfungsi pada aras komponen tetapi juga membantu dalam menstrukturkan wacana akhbar.

2.6 TINJAUAN KAJIAN ANALISIS WACANA BERITA DI MALAYSIA

Analisis wacana berita di Malaysia telah bermula pada tahun 1980-an. Awang Sariyan (1981) telah menghasilkan sebuah artikel dalam Dewan Bahasa yang berjudul ‘Pembinaan Wacana Berita yang Berkesan Dalam Hubungannya dengan Pembakuan Bahasa’. Artikel beliau menumpukan perhatian kepada dua aspek bahasa yang penting, iaitu pembinaan wacana berita yang berkesan dan tatabahasa sebagai asas penulisan berita. Beliau juga menekankan bahawa berita harus mempunyai bahasa yang ringkas, tepat dan padat.

Asmah Hj. Omar (1987) telah menjalankan kajian terhadap teks surat khabar berbahasa Melayu. Beliau telah mengemukakan dua aspek dalam kajiannya iaitu struktur laporan dan bahasa laporan akhbar. Struktur laporan ini pula terdiri daripada laporan langsung dan laporan rujukan. Laporan langsung ini ialah laporan berdasarkan pemberita itu sendiri tanpa merujuk kepada orang lain atau sumber lain manakala laporan rujukan merupakan laporan berdasarkan sumber-sumber lain. Asmah telah membuat analisis yang mendalam terhadap bahasa laporan akhbar yang terdapat pada tubuh berita dan tajuk berita.

Tan Joo Seng (1994) telah menjalankan kajian yang bertajuk ‘Wacana Berita Sukan dalam Akhbar Bahasa Melayu: Satu Analisis Makrostruktur Semantik’. Beliau telah menggunakan teori struktur-makro semantik yang dikemukakan oleh Van Dijk dengan beberapa penyesuaian dalam kajiannya. Beliau membuat beberapa penyesuaian terhadap kaedah analisis struktur skema wacana berita Van Dijk kerana beliau berpendapat kaedah analisis tersebut mempunyai beberapa kelemahan. Dengan berbuat demikian kajian Tan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang terdapat dalam kaedah yang digunakan oleh Van Dijk.

Sanat Md. Nasir (1996) telah menjalankan kajian tautan penghubung ayat dalam rencana pengarang akhbar Utusan Zaman (1957-1961). Beliau telah memberi tumpuan kepada penghuraian tautan yang digunakan dalam rencana pengarang sebagai mewakili wacana akhbar bahasa Melayu. Beliau juga turut membandingkan tautan dari segi jenis dan subjenis tautan serta dari segi tahun. Sanat telah menguji Model Tautan Pindaan untuk menganalisis data bertulis berdasarkan hubungan tautan unsur linguistik antara unit teks.

Raja Masittah (2000) telah melakukan kajian terhadap tajuk berita utama. Beliau telah memilih lima berita utama dari lima buah akhbar tempatan yang berbahasa Melayu dan Inggeris dan menganalisis data berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Van Dijk. Beliau telah menganalisis tajuk berita utama dengan melihat pola tajuk berita, tipografi tajuk utama dan penggunaan cakap ajuk dan cakap pindah. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di antara lima jenis akhbar tersebut dalam mengemukakan aspek-aspek yang dibincangkan.

Asma Yusoff (2003) pula, menjalankan kajian yang bertajuk 'Berita Politik dalam Akhbar Bahasa Melayu: Analisis Struktur dan Kohesi'. Kajian ini mengenal pasti struktur genre wacana berita politik akhbar bahasa Melayu di Malaysia. Ia juga secara khusus mengkaji penggunaan dua alat kohesif, iaitu rujukan dan kata hubung bagi mewujudkan kohesi dalam wacana berita. Sampel kajian ini terdiri daripada 200 wacana berita politik yang dipetik daripada dua akhbar utama berbahasa Melayu, iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian. Hasil kajian ini didapati bahawa kedua-dua alat kohesif rujukan dan kata hubung memainkan peranan penting bagi mewujudkan tautan wacana berita.

Kalaivani, S. (2004) dalam kajiannya yang bertajuk '*A Systematic Perspective of Lexical Cohesion in English Newspaper Commentaries in Malaysia*' menggunakan teori ikatan Halliday dan Hasan (1976) dan taksonomi relasi yang dikemukakan oleh Martin (1992). Dua teks telah dipilih dari genre komentar suratkhobar bagi menganalisis ikatan leksis dan kuasa ikatan leksisnya. Kedua-dua teks yang dipilih merupakan karya eksposisi dan mempunyai topik yang homogen. Dapatan kajian ini menunjukkan leksikal reiterasi adalah ikatan semantik yang paling digemari di dalam teks-teks tersebut.

Lim Peng Geok (2007) telah menjalankan kajian ‘*A Discourse of Letters to the Editor in a Local Newspaper*’. Kajian ini merupakan analisa wacana surat-surat pembaca kepada editor dalam ruangan sisipan akhbar tempatan utama berbahasa Inggeris iaitu *The Star*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesignifikanan semantik, perhubungan sosial, rasional dan agenda-agenda tersirat penulis, pembaca yang disasarkan dan juga pihak media. Bagi mencapai tujuan tersebut beliau telah menyelidiki kosa kata, tatabahasa, ciri-ciri linguistik, dan teks dalam surat-surat berkenaan. Penyelidikan beliau ini bukan sahaja tertumpu kepada isi tersurat semata-mata bahkan juga isi tersirat kandungan surat-surat tersebut.

2.7 KONSEP KOHESI

Kohesi merupakan unsur yang penting dalam wacana. Ia mula diperkenalkan apabila Halliday dan Hasan (1976) memajukan teori tentang bagaimana pendengar atau pembaca memahami perkaitan antara beberapa bahagian dalam ujaran atau teks. Beberapa definisi telah dikemukakan untuk menjelaskan konsep kohesi. Menurut Halliday dan Hasan (1976:4-6) kohesi merujuk kepada

“ ...ciri-ciri linguistik yang membantu menghubungkan satu urutan ayat sehingga melahirkan sesuatu teks yang padu atau memperlihatkan pautannya.”

Halliday dan Hasan (1976) juga menghuraikan teks itu sebagai satu unit semantik yang membentuk satu kesatuan yang menyeluruh. Kohesi berperanan untuk menghuraikan pengertian gramatikal (*grammatical means*) melalui ikatan atau tautan di antara ayat-ayat dan paragraf. Dengan demikian, sarana kohesi menjadi faktor utama dalam menentukan sama ada sekumpulan ayat bertulis tergolong dalam satu kesatuan yang menyeluruh atau tidak. Halliday dan Hasan (1976:293) menyatakan seperti berikut:

“...Being semantic unit, a text, is REALIZED in the form of sentences, and this is how the relation of text to sentence can best be interpreted. A set of related sentences, with a single sentence as the limiting case, is the embodiment or realization of a text. So the expression of the semantic unity of the text lies in the cohesion among the sentences of which it is composed.”

Penjelasan tentang ‘kohesi’ dalam Tatabahasa Dewan (2008) merujuk kepada ciri-ciri yang membawa keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesuatu wacana untuk menghasilkan wacana yang lengkap. Keserasian hubungan ini dilihat melalui hubungan antara satu perkataan, frasa atau ayat dengan perkataan, frasa atau ayat lain dalam wacana yang sama.

Pada dasarnya, konsep kohesi merupakan konsep semantik dan merujuk kepada perkaitan kebahasaan yang ada pada sesuatu teks. Maka kohesi diperlihatkan melalui tatabahasa dan sebahagiannya pula melalui perbendaharaan kata (Wong, Khek Seng: 1993).

Menurut Werth, P. (1984) dalam (Wong, Khek Seng: 1993) pula, kohesi diberi takrifan seperti berikut:

“ kohesi lazimnya dianggap sebagai suatu proses sintaksis yang menghubungkan aya-ayat dalam sesuatu teks. Oleh yang demikian, kesan-kesan kohesi dapat diperlihatkan melalui bentuk-bentuk linguistik pada ayat-ayat teks. Bentuk-bentuk linguistik itu memabitkan unsur kata ganti nama tentu, pengguguran dan penegasan.”

Almeida (1984:12) pula mengatakan bahawa kohesi ialah sifat konstitutif wacana, iaitu penghubung unsur-unsur dalam teks. Manakala Stoddard (1991), telah menyatakan bahawa satu daripada asas yang membentuk tekstur ialah kohesi iaitu sejenis alat

penyatuan yang kita bina sama ada secara disedari atau tidak disedari tatkala membina teks.

Menurut Halliday dan Hasan (1976) lagi, kohesi terhasil apabila interpretasi terhadap sesuatu unsur yang terdapat dalam wacana terikat kepada interpretasi unsur yang lain. Satu unsur bahasa membayangkan makna unsur yang lain dalam keadaan unsur tersebut sukar difahami dengan jelas melainkan dengan bantuan unsur sebelumnya. Oleh yang demikian, hubungan kohesi berlaku di antara dua unsur iaitu unsur yang membayangkan (*presupposing*) dan unsur yang dibayangkan (*presupposed*) bagi membolehkan kedua-duanya disatukan dalam sebuah wacana. Ini dijelaskan oleh Eggins (1994:88) seperti berikut:

“ the key notion behind cohesion then, is that there is a semantic tie between an item at one point in a text and an item at another point. The presence of the tie makes at least one of the items depend upon the other for its interpretation.”

2.7.1 Kohesi dalam Analisis Wacana

Terdapat satu bahagian dalam analisis wacana yang dikenali sebagai kohesi atau ketenunan yang mengkaji bagaimana ayat-ayat dalam satu teks atau ucapan mempunyai perkaitan kebahasaan di antara satu sama lain secara zahirnya dan perkaitan tersebut diterima oleh masyarakat pengguna bahasa sebagai ciri utama yang menjadikan teks berfungsi sebagai mesej komunikasi yang berkesan dan sempurna. Seterusnya, ianya disokong oleh hubungan semantik yang logik di antara ayat demi ayat yang dikenali sebagai koheren atau keteraturan fikiran. Tatabahasa Dewan (2008:524) juga menyatakan bahawa sesuatu wacana yang utuh mempunyai dua ciri utama iaitu kohesi (tautan) dan koheren (runtutan).

Namun, terdapat juga ciri-ciri lain yang membantu untuk menghasilkan wacana yang utuh. Antaranya termasuklah tujuan sesuatu wacana, penerimaan oleh pendengar atau pembaca, maklumat yang terkandung, keadaan yang mewujudkan wacana, interteks dan peranan wacana-wacana lain yang dapat membantu pendengar atau pembaca memahami perkara yang didengar atau yang dibaca.

Apabila seorang pengguna bahasa mendengar atau membaca teks yang mempunyai lebih daripada satu ayat, dia seharusnya dapat membezakan sama ada teks tersebut merupakan bahagian-bahagian atau kelompok ayat yang mempunyai perkaitan semantik ataupun ianya merupakan koleksi ayat-ayat yang tiada perkaitan di antara satu sama lain. Membezakan di antara wacana dan koleksi ayat-ayat yang tidak berkaitan melalui kaedah ini bukan merupakan penyelesaian yang sah dari segi linguistik. Sebaliknya, perlu ada satu mekanisma yang menetapkan ciri-ciri yang terdapat pada teks yang bertaraf wacana dan yang tidak bertaraf wacana serta ciri-ciri yang membezakan di antara keduanya (Van Dijk, 1977).

Menurut Halliday dan Hasan (1976), wacana yang komunikatif mestilah menampakkan perkaitan di antara bahagian-bahagiannya. Perkaitan yang dimaksudkan di sini adalah ciri-ciri ketekstualan yang perlu ada dalam bahagian-bahagian teks bagi melayakkannya diiktiraf sebagai wacana. Ia dinyatakan seperti berikut:


“A text has texture, and this is what distinguishes it from something that is not a text.”
(1976:2)

Manakala Beaugrande dan Dressler (1981:3) pula menyatakan bahawa:

“A Text will be defined as a communicative occurrence which meets seven standards of textuality. If any of these standards is not considered to have been satisfied, the text will not be communicative.”

Hence, non-communicative texts are treated as non-texts.”

Beliau berpendapat bahwa derajat tekstualiti adalah sangat penting bagi menentukan tahap komunikatif sesuatu teks. Teks yang tidak memenuhi derajat tekstualiti tertentu tidak boleh dinyatakan sebagai wacana yang komunikatif. Tujuh derajat tekstualiti yang dikemukakan oleh Beaugrande dan Dressler (1981:3-12) adalah seperti berikut:



Rajah 2.2 : Tujuh Darjah Tekstualiti (Beaugrande dan Dressler, 1981)

Ini adalah penjelasan secara ringkas tentang tujuh derajat tekstualiti yang dinyatakan oleh Beaugrande dan Dressler (1981:3-12).

1. Kohesi (*Cohesion*)

Kohesi merujuk kepada hubungan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesuatu wacana untuk menghasilkan wacana yang lengkap.

2. Koherensi (*Coherence*)

Koherensi bermaksud idea yang terdapat dalam sebuah wacana sehingga menjadi teks itu bermakna.

3. Maksud (*Intentionality*)

Maksud bermaksud penutur atau penulis mesti mempunyai niat untuk mencapai matlamat-matlamat yang spesifik daripada wacana yang dihasilkan seperti menyampaikan maklumat, memberi pandangan, menyatakan hujah dan sebagainya.

4. Penerimaan (*Acceptability*)

Penerimaan bermakna ayat-ayat yang dihasilkan dalam sebuah wacana harus logik dan pendengar atau pembaca memahami sepenuhnya wacana yang disampaikan.

5. Penerangan (*Informativity*)

Penerangan bermaksud setiap wacana yang dihasilkan mesti mengandungi maklumat yang lama dan baru. Maklumat lama adalah maklumat yang telah dinyatakan pada peringkat awal dan diulang dalam konteks berikutnya manakala maklumat baru adalah maklumat yang tidak diketahui sebelum ini oleh pendengar atau pembaca.

6. Konteks (*Situationality*)

Konteks bermaksud sesuatu wacana yang diujarkan perlulah sesuai dengan keadaan. Oleh itu, untuk menjadi sesuatu wacana itu sesuai dengan konteks, pemilihan kata, frasa atau ayat adalah penting.

7. Hubungan antara teks (*Intertextuality*)

Hubungan antara teks bermaksud setiap rangkaian aya-ayat dihubungkan dengan rangkaian ayat-ayat yang lain sama ada melalui bentuk atau makna. Dengan ini,

kefahaman seseorang terhadap sesuatu wacana bergantung kepada pengetahuannya terhadap perkara yang sedang dibaca atau didengarnya.

Ketujuh-tujuh darjah atau kriteria tekstualiti ini digunakan untuk mengukur teks yang sempurna sebagai wacana yang utuh. Renkema (1993), menyatakan bahawa kriteria-kriteria ketekstualan yang dinyatakan di atas tidak mempunyai kepentingan yang sama dan kohesi adalah yang paling perlu diberi penekanan.

2.7.2 Kajian Kohesi dalam Bahasa Tamil

Dalam bidang bahasa Tamil, kesedaran terhadap wacana telah lama wujud akan tetapi tidak ada kajian atau karya yang dihasilkan bagi menerangkan teori tentang analisis wacana sehingga tahun 2002. Seorang ahli linguistik dari India iaitu C. Shanmugam merupakan pelopor bagi bidang analisis wacana dalam Bahasa Tamil. Pada tahun 2002 beliau telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk '*Karutta:tal*' yang membawa maksud wacana. C. Shanmugam telah merujuk kepada beberapa orang yang terkemuka dalam bidang analisis wacana seperti Halliday dan Hasan (1976) dan Mc Carthy (1991) untuk menjelaskan konsep-konsep yang terdapat dalam analisis wacana dengan memberi contoh dalam bahasa Tamil.

Beliau juga telah menulis beberapa artikel mengenai analisis wacana dalam jurnal-jurnal akademik. Shanmugam (2002) telah menyatakan bahawa terdapat beberapa perbezaan dalam cara-cara menggabungkan ayat dan corak penggunaan sarana kohesi dalam wacana mengikut setiap bahasa. Menurut beliau dalam bahasa Tamil pengguguran frasa nama, verbal dan klausa berlaku di bahagian permulaan ayat, iaitu

elipsis anafora, manakala dalam bahasa Inggeris pula sebaliknya, iaitu elipsis katafora yang paling banyak digunakan.

Selain itu beliau juga menyatakan bahawa, dalam bahasa Tamil morfem juga menjadi penanda wacana selain perkataan, frasa, klausa dan ayat. Ini kerana dalam bahasa Tamil perkataan **dan** tidak dapat ditulis dengan satu perkataan malahan ia hanya dapat ditulis sebagai morfem terikat yang tidak dapat berfungsi secara berasingan. Contohnya,

[**muttuvum ra:muvum ko:vilukkuc cenranar.]**

(Muthu dan Ramu pergi ke kuil.)

Dalam contoh di atas, morfem terikat ‘*um*’ digunakan untuk menerangkan bahawa Muthu **dan** Ramu pergi ke kuil.

Beliau dengan berlandaskan kepada teori Halliday dan Hasan (1976), mengkategorikan sarana-sarana kohesi dalam bahasa Tamil seperti berikut:

1. *a*laku *cu*ttutal (Rujukan)

Ia dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- a) *mu*nno:kkum *a*laku *cu*ttutal (Anafora)
- b) *pi*nno:kum *a*laku *cu*ttutal (Katafora)
- c) *ura*ikku *pu*ramba:*na*vaikalai *cu*ttutal (Eksofora)

2. *a*laku *ni*:kkutal (Elipsis)

Ia terdiri daripada dua iaitu:

- a) *mu*npura *a*laku *ni*:kkutal (Elipsis anafora)
- b) *pi*npura *a*laku *ni*:kkutal (Elipsis katafora)

3. *aḷaku pukuttutal* (Penggantian)
4. *aḷaku iṇaittal* (Konjungsi)
5. *col tirumpa to:ṇrutal* (Kohehi Leksikal)

Selain kajian di atas, Shamugam juga pernah mengkaji prosa Bharatiyar (penyajak) dari sudut analisis koheren dan melaporkannya secara deskriptif. Selain daripada beliau, Theivasundaram (1987) pernah menerangkan tentang konsep wacana, kohehi dan koheren secara umum. Beliau menggunakan istilah '*karutta:ṭal*' untuk wacana, '*karutta:ṭal a:ivu*' bagi analisis wacana, '*toṭar iṇaivu*' untuk kohehi, '*toṭar iṇaivu ca:tanaṅkaḷ*' untuk sarana kohehi dan '*karuttiṇaivu*' untuk koheren. Terdapat juga beberapa ahli linguistik bahasa Tamil yang lain meneliti bidang ini. Antaranya ialah Mary Roslind (1992), Pon.Kothandaraman (1997) dan Agesthiolingom (2002).


Di Malaysia, analisis wacana dalam bahasa Tamil adalah agak baru berbanding bahasa-bahasa lain. Oleh kerana pendekatan ini agak baru, maka tidak ada banyak kajian yang menganalisis tentang kohehi dalam bahasa Tamil. Pada tahun 2006, Mahideli telah menjalankan satu kajian yang bertajuk ' Analisis Kohehi dalam Karangan Bahasa Tamil Pelajar Tingkatan Satu'. Kajian ini melihat pencapaian kohehi dalam karangan bahasa Tamil pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah menengah. Penyelidikan ini hanya bertumpu pada analisis pencapaian min kekerapan kohehi nahuan dan leksikal dalam mod wacana penulisan naratif dan ekspositori oleh pelajar tingkatan satu dengan melihat pada gender, minat dalam kemahiran menulis karangan serta gred karangan.

Kumaran (2006), juga telah menjalankan kajian kohehi dengan mengkaji esei pelajar tingkatan lima. Kajian beliau bertajuk 'Wacana Bahasa Tamil: Analisis Dalam Esei Pelajar Tingkatan Lima'. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis pelbagai wacana kohehi yang biasa digunakan dalam penulisan esei oleh pelajar Tingkatan lima. Beliau

telah mengkaji kekerapan alat kohesi yang digunakan dalam esei ekspositori, perhubungan di antara bilangan alat kohesi yang digunakan dengan kualiti esei ekspositori dan meninjau masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan alat kohesi.

Pada tahun 2009, Karunakaran dan Supramani (2009) telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk “*uraiko:vai - paṅpum payaṅum*” (*Discourse-Form and Function*). Dalam buku tersebut, mereka berpendapat bahawa wacana yang sempurna terhasil apabila wujudnya penggunaan kohesi dan koheren dalam teks lisan atau teks bertulis. Wacana yang menepati struktur tatabahasa dan mempunyai perkaitan antara ayat akan mewujudkan teks yang sempurna dan utuh. Dalam pada itu, sarana-sarana kohesi memainkan peranan penting dalam penghasilan wacana yang mempunyai kesepaduan.

Mereka juga berpendapat bahawa sesebuah wacana berbeza mengikut bahasa, fungsi, konteks dan budaya masyarakat namun ia mempunyai persamaan dari segi tatabahasa dan penghasilannya (Karunakaran dan Supramani, 2009:30). Ia ditunjukkan dalam rajah seperti berikut:



Rajah 2.3 : Wacana

(Sumber: Karunakaran dan Supramani, 2009:31)

2.7.3 Kerangka Konsep Penganalisisan Kohesi dalam Wacana (Halliday dan Hasan, 1976)

Berikut adalah penjelasan mengenai kerangka konsep penganalisisan kohesi yang disarankan oleh Halliday dan Hasan (1976). Penganalisisan ini telah dilakukan berdasarkan pelbagai kategori dan jenis sarana kohesi nahuan dan leksikal. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah menerangkan setiap kategori yang disarankan oleh Halliday dan Hasan (1976) dengan memberi contoh-contoh sarana kohesi yang terdapat dalam bahasa Tamil.

1. Kohesi Nahuan

Kohesi nahuan berfungsi untuk menghubungkan unsur linguistik gramatikal dengan unsur linguistik gramatikal yang lain di antara ayat dengan ayat, dengan menggunakan tautan-tautan yang kohesif dalam sesebuah teks. Kohesi nahuan ini terdiri daripada Kohesi Nahuan Rujukan (KNR), Kohesi Nahuan Penggantian (KNP), Kohesi Nahuan Elipsis (KNE) dan Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK).

i) Kohesi Nahuan Rujukan (KNR)

Kohesi nahuan rujukan ialah satu jenis kohesi yang berfungsi untuk menghubungkan suatu unsur teks dengan hal-hal yang berkaitan dengan perkara yang dirujuk dalam sebuah perenggan. Dalam bahasa Tamil, kohesi nahuan rujukan ini dibahagikan kepada tiga kategori sepertimana yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Ketiga-tiga kategori tersebut adalah seperti berikut:



- a) Kohesi nahuan rujukan ganti nama personal
- b) Kohesi nahuan rujukan ganti nama demonstratif
- c) Kohesi nahuan rujukan ganti nama komparatif

a) Kohesi Nahuhan Rujukan Ganti Nama Personal

Rujukan personal adalah rujukan yang menunjukkan fungsi pada situasi ujaran melalui kategori orang (Halliday dan Hasan, 1976:37). Ia juga digunakan untuk menunjukkan sesuatu cara atau benda yang dinyatakan dalam ayat. Dalam rujukan personal, kita akan dapat melihat dengan jelas tentang bagaimana pelbagai bentuk rujukan digunakan sebagai ganti nama secara khusus untuk manusia. Dalam bahasa Tamil, bentuk-bentuk pengacuan personal dapat direalisasikan melalui rujukan personal (kata ganti orang) yang meliputi kata ganti nama personal tunggal dan jamak. Kedua-duanya terbahagi kepada tiga iaitu orang pertama iaitu, *tannilai* (mengacu pada diri sendiri), orang kedua iaitu, *munnilai* (mengacu pada orang yang ditutur), dan orang yang ketiga iaitu, *paṭarkai* (mengacu pada orang yang dituturkan) sebagaimana dikatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:44) seperti berikut:


“ this system of reference is known as person, where ‘person’ is used in the special sense of ‘role’, the traditionally recognized categories are first person, second person and third person, intersecting with the number categories of singular and plural.”

Ia dapat diperjelaskan lagi dengan rajah berikut:



Rajah 2.4: Kata Ganti Nama Bahasa Tamil
 (Diubahsuaikan daripada - Lufti Abas, 1972:304)

Contoh ayat yang menggunakan kohesi nahuan rujukan personal adalah seperti berikut:



[ra:man mikavum keṭṭikka:ran. avan epolutum palli pa:ṭaṅkaḷai mi:ḷ pa:rvaḷ
 ceiva:n.]

(Raman sangat pandai. Dia selalu mengulangkaji pelajarannya.)


Kata *avan* (dia-lelaki) dalam ayat kedua menunjukkan tautan rujukan pronominal. Dalam bahasa Tamil terdapat unsur keterikatan terhadap jantina pronominal seperti mana yang terdapat dalam bahasa Inggeris iaitu “*he*” dan “*she*”. Kata ganti nama digunakan untuk menerangkan jantina di mana *avan* digunakan untuk lelaki dan *avaḷ* digunakan untuk perempuan. Selain itu, dalam bahasa Tamil juga terdapat aspek jarak (*scale of proximity*) yang menunjukkan pronominal yang berada di jauh dan dekat. Contohnya :

Lelaki	<i>avan</i> (jauh)
	<i>ivan</i> (dekat)
Perempuan	<i>avaḷ</i> (jauh)
	<i>ivaḷ</i> (dekat)
Mereka	<i>avarkaḷ</i> (jauh)
	<i>ivarkaḷ</i> (dekat)

b) Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif

Rujukan demonstratif adalah yang menunjukkan lokasi menurut kadar kedekatannya (Halliday dan Hasan, 1976:37). Rujukan jenis ini berfungsi untuk menjelaskan posisi

atau objek sesuatu perkara yang ditunjukkan. Rujukan demonstratif ini terdiri daripada *itu* (ini), *atu* (itu), *ivai* (*these*), *avai* (*those*) dan sebagainya. Manakala kata ganti nama tempat adalah *in̄ku* (sini), dan *ānku* (sana). Dalam bahasa Tamil juga, terdapat “*definite article*” seperti *anta* (*far, the*), *inta* (*near, the*), *o:r* (*an*) dan *oru* (*a*). Berikut merupakan contoh ayat bagi rujukan ganti nama demonstratif:



[pina:n̄ku o:r a_lakia ti:vu. atu surr_ula: payaṅikalai kavaram o:r iṭama:kavum tikalkiratu.]

(Pulau Pinang merupakan satu pulau yang indah. Ia juga merupakan pulau yang menarik ramai pelancong.)

c) **Kohesi Nahuan Rujukan Ganti Nama Komparatif**

Rujukan komparatif merupakan kata-kata yang menunjukkan persamaan dan perbezaan. Rujukan komparatif yang terdapat dalam bahasa Tamil adalah seperti *atu po:la* (seperti itu), *atai viṭa* (selain itu), *ve:ru* (selain) dan lain-lain lagi. Penggunaan kata ganti nama dalam rujukan adalah seperti berikut:

[ne:r_{ru} kanatta ma_lai peitatu. ataivita in_{ru} puyaluṭan ku:ṭiya kanatta ma_lai peiyum ena etir pa:rkappaṭukiratu.]


(Semalam hujan lebat. Lebih-lebih lagi hari ini dijangka hujan lebat bersama ribut akan turun.)

Dalam contoh ayat di atas perkataan *ataivita* merujuk kepada dua keadaan yang berbeza kerana wujudnya aspek yang menambah keterangan kepada keadaan lain.

2.7.3.1 Endofora dan Eksofora dalam Kohesi Rujukan

Terdapat dua cara untuk mendapatkan makna bagi perkataan-perkataan rujukan dalam sesuatu teks. Apabila sesuatu butiran rujukan itu merujuk kepada wacana itu sendiri, ia dikenali sebagai rujukan endofora (*endophora*) atau rujukan tekstual. Sebaliknya apabila butiran yang dirujuk itu merujuk kepada situasi atau berada di luar wacana, ia dikenali sebagai rujukan eksofora (*exophora*) atau rujukan situasi (Halliday dan Hasan, 1976:32).

Sekiranya sesuatu perkataan rujukan termasuk dalam kategori endofora, pencarian makna perkataan dalam teks boleh dilakukan dengan melihat kepada bahagian teks yang sebelumnya iaitu anafora atau bahagian teks yang selepasnya iaitu eksofora. Halliday dan Hasan membahagikan jenis-jenis rujukan ini dalam rajah berikut:



**Rajah 2.5 : Eksofora dan Endofora dalam Rujukan
(Sumber: Halliday dan Hasan, 1976:33)**

Halliday dan Hasan (1976) menyatakan bahawa rujukan endofora memiliki nilai kohesif secara langsung kerana ia membina integrasi di antara satu bahagian teks dengan bahagian yang lain. Rujukan eksofora pula membina perkaitan di antara

bahagian teks dengan konteks situasi atau luar teks, tetapi tidak membina perkaitan di antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam teks. Oleh itu, ia memiliki nilai kohesif secara tidak langsung.

2.7.3.1.1 Anafora dan Katafora dalam Bahasa Tamil

Dalam bahasa Tamil rujukan jenis anafora disebut sebagai *munno:kku alaku cuṭṭatal* dan katafora disebut sebagai *pinno:ku alaku cuṭṭatal*. Berikut adalah contoh-contoh ayat bagi setiap satu jenis rujukan ini:

a) Rujukan Anafora

[kuma:r mala:kka:vir̥kuc cenra:n. aṅku avan carittiramikka iṭaṅkaḷaic currip pa:rtta:n.]

(Kumar pergi ke Melaka. **Dia** melawat tempat bersejarah **di sana**.)

Dalam ayat di atas, perkataan *aṅku* merujuk kepada entiti yang sudah disebut iaitu *mala:kka:*. Oleh itu, ia disebut sebagai rujukan anafora.

b) Rujukan Katafora

[avan muttu, ra:ni a:giyoruṭaya makan. vikṇaṅ paṭippil keṭṭikka:raṅ.]

(Dia anak kepada Muthu dan Rani. Vignan pandai dalam pelajarannya.)

Dalam ayat dia atas, *avan* merujuk kepada entiti yang bakal disebut iaitu *Vikṇan*. Oleh itu, ia disebut sebagai rujukan katafora.

ii) **Kohesi Nahuan Penggantian (KNP)**

Penggantian merujuk kepada kata atau frasa yang tidak disebutkan lagi pada klausa atau ayat berikutnya tetapi unsur tersebut digantikan dengan unsur lain yang biasanya dengan menggunakan kata yang lebih umum. Menurut Halliday dan Hasan (1976:87), penggantian diertikan sebagai penggantian suatu unsur wacana dengan unsur yang lain yang acuannya tetap sama dalam hubungan antara bentuk kata atau bentuk lain yang lebih besar dari kata seperti frasa atau klausa. Penggantian satuan lingual tertentu (yang telah disebut) dengan satuan lingual lain dalam wacana digunakan untuk memperoleh unsur perbezaan. Halliday dan Hasan (1976) membahagikan sarana kohesi nahuan penggantian ini kepada tiga jenis iaitu:

- a) Penggantian nominal
- b) Penggantian verbal
- c) Penggantian klausa

a) **Penggantian Nominal**

Penggantian nominal ialah kata nama digantikan dengan kata yang lain seperti *avarriḷ onru* (salah satu), *atil onru* (antaranya), *ivvirantum* (kedua-duanya) dan lain-lain lagi. Contohnya,

[ra:mu iranṭu pu:naikaḷai vaḷarkkirar. ivvirantum ta:ila:ntiliruntu koṇṭu varappaṭṭavai.

(Ramu membela dua ekor kucing. Kedua-duanya dibawa dari Thailand.)

b) Penggantian Verbal

Penggantian jenis ini digunakan untuk menggantikan kata kerja dalam ayat sebelumnya seperti *appadi* (begitu), *ivva:ru ceivata:l* (kerana berbuat demikian) dan sebagainya. Contoh ayat penggantian verbal ialah:

[na:m varuma:ṇatirku e:rrava:ru celavu ceyya veṇṭum. Ivva:ru ceivata:l na:m piraṇai inṛi va:lala:m.]

(Kita perlu berbelanja mengikut pendapatan. Dengan berbuat demikian kita dapat hidup tanpa masalah.)

c) Penggantian Klausa

Penggantian klausa digunakan untuk menggantikan klausa dalam ayat. Antara perkataan yang digunakan ialah *apaṭita:n* (begitulah), *illai* (tidak/ bukan) dan sebagainya. Contoh ayat bagi jenis penggantian ini ialah:

[A: ne:rṛu ni: ko:la:lampu:rukkuc ceṇra:ya:?]

[B: Na:n cellavillai.]

(A: Adakah awak pergi ke Kuala Lumpur semalam?

B: Saya tidak pergi.)

iii) Kohesi Nahuan Elipsis (KNE)

Kohesi nahuan elipsis merupakan salah satu penanda kohesi. Pada dasarnya, elipsis dapat dianggap sebagai substitusi dengan bentuk kosong atau *zero*. Unsur-unsur yang dilesapkan itu berupa nominal, verbal dan klausal (Halliday dan Hasan, 1976:142). Dalam wacana tulis, yang biasanya dilesapkan adalah unsur yang sama sehingga dalam klausa atau kalimat selanjutnya tidak dimunculkan lagi (Suladi et al, 2000:38). Elipsis digambarkan sebagai penggantian oleh unsur zero yang ditandai dengan simbol \emptyset . Ia

juga merupakan pertalian yang wujud di dalam teks di mana unsur yang dinyatakan telah hadir terlebih dahulu dan dikatakan pada dasarnya elipsis merupakan hubungan anaforik (Halliday dan Hasan, 1976: 144). Elipsis ini terbahagi kepada tiga jenis pengguguran nominal, verbal dan klausa.

a) Pengguguran Nominal

Pengguguran nominal berlaku dalam kata atau frasa nama. Contoh pengguguran nominal dalam ayat ialah seperti berikut:

[ilakkiya nu:lka! va:lkaikku nalla vali kaṭṭiya:ka amaikinrana. enniṭam niraya /ø / ulḷana.]

(Buku-buku kesusasteraan menjadi panduan yang terbaik bagi kehidupan. Saya mempunyai banyak / ø /.)

Dalam teks di atas, *ilakkiya nu:lka!* (buku kesusasteraan) merupakan kata nominal yang digugurkan dalam ayat kedua. Akan tetapi ayat tersebut kohesif kerana item tersebut dapat dikesan daripada ayat sebelumnya.

b) Pengguguran Verbal

Pengguguran verbal ialah penghilangan keseluruhan atau sebahagian frasa kerja. Contoh pengguguran verbal adalah seperti berikut:

[ma:lavukku pu:pantu vilaiya:ṭa piṭikkum. a:nal ava! tampikku / ø / piṭikka:tu.]

(Mala suka bermain badminton tetapi adiknya tidak / ø /.)

Walaupun dalam ayat kedua berlaku pengguguran verbal, tetapi ciri kekohesifannya dapat dilihat secara jelas.

c) Pengguguran Klausa

Pada kebiasaannya pengguguran klausa berlaku dalam ayat yang merupakan jawapan bagi sesuatu soalan. Contohnya adalah seperti berikut:

[A: unakku enna ca:ppiṭa piṭikkum?]

[B: ca:kle:ṭ]

(A: Awak suka makan apa? B: / ø / coklat.)

Pengguguran klausa telah berlaku dalam ayat kedua tetapi ia tetap kohesif.

iv) Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK)

Konjungsi nahuan adalah gabungan dua unsur bahasa baik antara klausa, antara ayat mahupun antara perenggan dengan menggunakan penghubung (Halliday dan Hasan, 1976:226). Dengan kata lain, konjungsi merupakan penggunaan kata atau kelompok kata untuk merangkaikan atau menghubungkan antara ayat dengan ayat dalam sesuatu wacana yang sama. Kohesi jenis ini mempunyai hubungan bentuk dan makna.

Dalam bahasa Tamil ianya disebut sebagai '*iṭaicorkal*'. Dalam bahasa Tamil, terdapat lebih kurang 14 jenis kata hubung (Kothandaraman. Pon: 2002). Namun, kajian ini hanya akan melihat pada jenis-jenis konjungsi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976) mengikut fungsi nahuan atau hubungan yang ditunjukkannya. Terdapat empat jenis konjungsi, iaitu konjungsi aditif (penambahan), konjungsi adversatif (pertentangan), konjungsi kausal (sebab-akibat) dan konjungsi temporal (waktu).

a) Konjungsi Aditif

Konjungsi aditif adalah perangkaian yang menggabungkan kata dengan kata dan frasa dengan frasa yang berstatus sama (Harimurti Kridalaksana, 2008:131). Konjungsi aditif menghubungkan dua unsur bahasa yang mempunyai kedudukan yang sama di mana penambahan maklumat kepada topik diketengahkan melalui kordinasi. Contoh-contoh

konjungsi aditif dalam bahasa Tamil adalah seperti *um*, *maṟṟum* (dan), *iṇṇum*, *me:lum* (tambahan pula) dan *allatu* (atau).

b) Konjungsi Adversatif

Konjungsi adversatif adalah perungkapan pertentangan (Halliday dan Hasan, 1976:281). Konjungsi adversatif wujud apabila apa yang dinyatakan dalam klausa pertama berlawanan atau tidak sama dengan apa yang dinyatakan dalam klausa kedua. Antara konjungsi jenis ini yang digunakan dalam bahasa Tamil ialah seperti, *a:ṇa:l* (tetapi), *iruppiṇum*, *irunta:lum*, *a:yinum*, *eṇinum* (namun) dan sebagainya.

c) Konjungsi Kausal

Konjungsi kausal adalah penggunaan kata atau kelompok kata yang menandai adanya hubungan sebab akibat antara ayat dengan ayat dalam suatu wacana yang sama. Penggunaannya adalah seperti, *ataṇa:l* (oleh itu), *a:kaya:l*, *a:tala:l* (oleh yang demikian), *eṇave:.*, *a:gave:* (maka) dan sebagainya.

d) Konjungsi Temporal

Konjungsi temporal digunakan sebagai penanda hubungan waktu bertujuan menyatakan waktu terjadinya sesuatu peristiwa. Konjungsi ini memperlihatkan pertalian waktu di antara satu ayat dengan ayat lain yang berurutan. Konjungsi ini ditunjukkan dengan perkataan-perkataan seperti, *ataṇ piṟaku* (selepas itu), *itaṟku muṇ* (sebelum ini), *iṟutiya:ka* (akhirnya), *aṭuttata:ka*, *toṭarntu* (seterusnya) dan lain-lain lagi.

2. Kohesi Leksikal

Kohesi leksikal adalah hubungan leksikal antara bagian-bagian wacana untuk mendapatkan keserasian struktur secara kohesif. Kohesi leksikal mempunyai item-item yang terbuka seperti kelas kata nama umum yang merujuk kepada tempat, fakta dan sebagainya. Pada umumnya, kohesi leksikal ini dibahagikan kepada dua jenis, iaitu reiterasi dan kolokasi. Kedua-dua ini membentuk kohesi melalui kesinambungan makna leksikal.


i) Kohesi Leksikal Reiterasi

Kohesi leksikal reiterasi merupakan pengulangan sebuah unsur leksikal, iaitu kata atau frasa yang telah digunakan sebelumnya dalam wacana. Kohesi jenis ini dapat diwujudkan melalui pengulangan sama tepat dan hampir tepat, sinonim, superordinat dan kelas kata umum. Ia telah dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:278) seperti berikut:

“Reiteration is a form of lexical cohesion which involves the repetition of a lexical item, at one end of the scale; the use of a general word to refer back to a lexical item, at the other end of the scale; and a number of things in between- the use of a synonym, near-synonym, or superordinate.”

a) Pengulangan Sama Tepat

Pengulangan sama tepat merupakan salah satu cara untuk mempertahankan kohesi antara ayat. Hubungan ini dapat dibentuk dengan menggunakan perkataan atau frasa yang berasal daripada kata dasar yang telah digunakan dalam sesuatu teks sebelumnya. Contohnya adalah seperti berikut:



[ra:mar ne:rru maruttuvamanaikkuc cenra:r. avar maruttuvamanayil niraya
no:yalikalai kaṇṭa:r.]

(Semalam Ramar pergi ke hospital. Beliau telah melihat ramai pesakit di hospital.)

b) Pengulangan Sinonim

Pengulangan sinonim ialah pengulangan perkataan yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Contoh perkataan sinonim adalah seperti berikut:

<i>kaṇavaṇ</i>	<i>puruṣaṇ</i> (suami)
<i>n:aval</i>	<i>putiṇam</i> (novel)
<i>vay:otikar</i>	<i>mutiyavar</i> (orang tua-lelaki)
<i>kutirai</i>	<i>pari</i> (kuda)
<i>nu:l</i>	<i>puttakam</i> (buku)

c) Pengulangan Superordinat

Superordinat adalah merujuk kepada kata atau istilah umum mana kala sub kelasnya terdiri daripada hiponim. Dalam bahasa Tamil juga terdapat superordinat yang disebut sebagai *potuppeyar* dan hiponim disebut sebagai *cirappuppeyar*. Berikut adalah contoh-contoh perkataan bagi superordinat dan hiponim:

Superordinat

Hiponim

va:kaṇaṇaḷ (kendaraan) ⇒ *pe:runtu* (bas), *lo:ri* (lori),
makiḷuntu (kereta)

pu:kkaḷ (bunga) ⇒ *ro:ja:* (mawar), *cembarutti* (bunga
raya), *malligai* (melor)

d) Pengulangan Kelas Kata Umum

Pengulangan kata umum merupakan satu himpunan kata umum yang lebih umum daripada superordinat. Ia menunjukkan perkaitan semantik di antara ayat dalam sesuatu teks. Contohnya:

iṭam (tempat) ⇒ *palkalaikkaḷakam* (universiti), *vi:ṭu* (rumah),
piṇa:ṇu (Pulau Pinang)

ka:lam (masa) ⇒ *iravu* (malam), *na:ḷai* (esok), *tiṇaḷ* (Isnin)

poruḷ (barang) ⇒ *na:rka:li* (kerusi), *puttakam* (buku), *caṭṭai* (baju)

ii) Kohesi Leksikal Kolokasi

Kohesi leksikal kolokasi merujuk kepada pasangan-pasangan kata yang mempunyai perkaitan tertentu dalam sesuatu siri atau kelompok. Ia terdiri daripada item daripada kumpulan semantik yang sama ataupun yang berlawanan. Berikut adalah contoh bagi siri perkataan dari satu kelompok yang mempunyai perkaitan sama makna:

<i>ilai</i> (daun)	<i>kilai</i> (dahan)
<i>ve:r</i> (akar)	<i>pa\bar{l}am</i> (buah)
<i>ta\bar{n}tu</i> (batang)	

Contoh perkataan-perkataan dari set yang berlawanan adalah seperti berikut:

<i>ve\bar{r}i</i> (menang)	-	<i>to:lvi</i> (kalah)
<i>karuppu</i> (hitam)	-	<i>ve\bar{l}lai</i> (putih)
<i>la:pam</i> (untung)	-	<i>na\bar{s}am</i> (rugi)

2.8 PERANAN KOHESI DALAM RENCANA PENGARANG

Sebuah rencana pengarang haruslah mempunyai ciri-ciri dalaman seperti kesatuan (*unity*) yang merujuk kepada ketepatan seluruh isi yang dikemukakan. Semakin tepat dan mantap setiap isi menyentuh tajuk, semakin kukuh sifat kesatuan penulisan tersebut. Pertautan atau kohesi pula bermakna terdapat kesinambungan yang logik di antara satu unsur dengan unsur yang lain dan jelas memperlihatkan pertautan yang kukuh dan erat sehingga penulisan itu terbentuk sebagai satu satuan yang jitu, bukan sahaja dari segi idea tetapi juga bahasa dan pengolahannya.

Analisis kohesi bukan sahaja dapat memperlihatkan kesan langsung terhadap pertautan dalam sesuatu teks yang dihasilkan, bahkan ia juga dapat memberi gambaran sebenar tentang rentetan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Ini telah diterangkan oleh Brown dan Yule (1983:106) seperti berikut:

“...Analysis of these cohesive links within a text gives us some insight into how writers structure what they want to say and may be crucial factors in our judgements on whether something is well written or not.”

Menurut Mary Ng Eng Tsu (1984:34) pula hubungan kohesi berupaya mencapai sekurang-kurangnya tiga tujuan dalam sesuatu wacana, iaitu:

“... mempermudah pemprosesan maklumat secara mendatar atau linear, membantu mewujudkan kesinambungan, dan menandakan beberapa unsur atau entiti yang hadir dalam sesebuah wacana.”

Peranan kohesi dalam usaha mewujudkan kesinambungan antara sebahagian teks dengan yang lain sehingga membentuk kesatuan dalam sesebuah teks pernah dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Halliday dan Hasan menggunakan kohesi sebagai penanda permulaan dan pengakhiran sesuatu teks. Sesuatu teks baru dikatakan bermula apabila sesuatu ayat itu memperlihatkan kekohesifannya daripada bahagian yang sebelumnya.

Manakala Griemes (1975) pula cuba untuk meninjau dengan lebih jauh tentang peranan kohesi dalam sesuatu wacana. Baginya, kohesi harus memperlihatkan asas-asas semantik yang kukuh dalam apa jua situasi ayat yang dihasilkan, dan merupakan komponen yang dapat menjadi pelengkap makna keseluruhan dalam sesuatu wacana itu. Dalam kajian yang dilakukan, beliau cuba mengaitkan aspek kesesuaian antara ayat-ayat yang dihasilkan dari sudut kompleksiti sintaksis. Oleh itu, aspek kesesuaian akan menjadi faktor penentu dalam menghasilkan teks rencana pengarang yang utuh. Ini akan menentukan sejauh mana asas semantik dan hubungannya akan dapat diwujudkan dalam wacana rencana pengarang supaya pembaca dapat memahami maklumat yang disampaikan.

Menurut James (1983), kita seharusnya beranggapan bahawa sesuatu penulisan itu akan benar-benar bersifat kohesif jika terdapatnya kesesuaian bentuk bahasa dalam sesuatu wacana. Kesesuaian bentuk bahasa pula seharusnya tidak terpesong daripada sarana-sarana kohesi seperti yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1976) dan beberapa pengkaji bahasa yang lain. Pemilihan dan penggunaan sarana kohesi pula perlulah bertepatan dengan idea dan maklumat yang ingin diperkatakan agar tidak berlakunya percanggahan atau kejanggalan kesepaduannya.

Oleh yang demikian, rencana pengarang yang dihasilkan harus mempunyai ciri-ciri dalaman seperti kesatuan yang merujuk kepada ketepatan seluruh isi yang dikemukakan dan pertautan yang membawa makna yang logik di antara satu unsur dengan unsur yang lain. Kohesi sangat berpotensi dan memainkan peranan yang paling penting untuk menggambarkan kesepaduan makna dan keutuhan yang terangkum dalam sesebuah rencana pengarang. Manakala sarana-sarana kohesi mengikatkan bahagian-bahagian teks dengan cara yang spesifik sehingga menjadikan rencana pengarang itu kohesif. Ini membuktikan bahawa penghasilan rencana pengarang tidak terbatas kepada ayat-ayat gramatis sahaja tetapi lebih jauh daripada konteks ayat atau lebih daripada ayat.

2.9 KEUTUHAN WACANA

Dalam sesebuah wacana, urutan teks diperlukan untuk mempertautkan antara satu kata dengan satu kata lain, satu frasa dengan frasa lain, satu klausa dengan klausa lain dan antara satu ayat dengan ayat lain. Keutuhan wacana dalam rencana pengarang merupakan aspek penting kerana ia akan memastikan sama ada sesuatu kesatuan itu boleh dikatakan wacana atau hanya satu kumpulan ayat yang tidak teratur. Sehubungan

itu, kewujudan elemen kesinambungan dalam rencana pengarang penting bagi mewujudkan satu urutan idea yang sempurna.

Kehadiran elemen tautan atau kohezi yang sempurna yang mengikat antara satu ayat dengan ayat yang lain, membolehkan satu-satu idea dijalin dengan baik ke dalam rencana pengarang. Keutuhan wacana dapat diteliti daripada wujudnya kaitan-kaitan daripada aspek semantik, leksikal dan tatabahasa atau gramatikal. Ini telah dibuktikan oleh Harimurti Kridalaksana (1978) dengan menghasilkan sebuah artikel yang bertajuk “Keutuhan Wacana”. Berikut adalah butiran lengkap tentang setiap satu aspek dalam keutuhan wacana:

i) Aspek Semantik

Hubungan dari segi semantik ialah jalinan atau kepaduan makna di dalam sesuatu wacana seperti antara satu ayat dengan ayat lain atau perenggan dengan perenggan lain. Hubungan semantik antara bahagian wacana dapat dilihat dengan contoh-contoh yang berikut:

a) Hubungan sebab dan akibat

Aiman tidak bersungguh-sungguh semasa belajar. Dia gagal dalam peperiksaan.

b) Hubungan sebab dan tujuan

Nabil sangat rajin belajar. Dia ingin berjaya dalam pelajaran.

c) Hubungan sebab dan hasil

Aisyah sangat rajin belajar. Dia lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

d) Hubungan latar dan kesimpulan

Suraya menangis. Rupa-rupanya dia terlalu gembira kerana lulus peperiksaan dengan cemerlang.

e) **Hubungan syarat dan hasil**

Para pelajar mesti belajar bersungguh-sungguh. Kesungguhan akan menghasilkan kejayaan.

f) **Hubungan perbandingan**

Rumah Rahmat besar. Rumah Faizal lebih besar.

g) **Hubungan penjelasan**

Banjir yang berlaku baru-baru ini sungguh dashyat. Bencana itu bukan sahaja telah mengorbankan nyawa malahan memusnahkan banyak harta benda.

h) **Hubungan memperkuat isi**

Sungguh cantik gadis itu. Rambut mayang, berlesung pipit dan hidung mancung.

ii) **Aspek Leksikal**

Hubungan dari segi leksikal dilihat dari segi pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan makna yang ingin disampaikan. Unsur-unsur leksikal itu berhubungan di antara satu dengan yang lain sebagai:

a) **Sinonim**

Pelakon **jelita** itu semakin popular. Hal ini tidak menghairankan kerana wajahnya yang **cantik** itu dapat menambat hati ramai jejaka.

b) **Antonim**

Wajah yang **cantik** atau **hodoh** bukan ukurannya tetapi yang paling penting ialah hati budaya.

c) **Hiponim**

Dia menjaga **motosikalnya** dengan baik kerana itu sahaja **kenderaan** yang dimilikinya.

d) **Kolokasi**

Program perancang keluarga dilaksanakan secara sangat intensif. Diharapkan **pertambahan penduduk** dapat dicegah dalam abad yang akan datang.

iii) **Aspek Gramatikal/ Tatabahasa**

Hubungan dari aspek gramatikal ialah hubungan wacana yang berkaitan dengan tatabahasa. Antara penanda yang mewujudkan keutuhan wacana dari aspek gramatikal dapat dilihat melalui contoh-contoh ayat seperti berikut:

a) **Penanda Rujukan**

Rahul merupakan pelajar yang amat rajin. **Dia** telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

b) **Penanda Penggantian**

Pelajar-pelajar itu sering ponteng sekolah. **Perbuatan tersebut** hanya merugikan mereka.

c) **Penanda Penghubung**

Rencana ini bertujuan melihat perkaitan antara kepakaran individu dengan pembahagian tugas di tempat kerja. **Selain itu**, rencana ini akan menghuraikan amalan pengurusan dan pentadbiran di pejabat.

d) **Elipsis**

Awak ingin mendengar **cerita** lagi? Masih terdapat banyak / \emptyset / lagi.

Kesemua aspek yang dibincangkan tentang keutuhan wacana seperti yang diusulkan oleh Harimurti Kridalaksana (1978) adalah selari dengan kerangka konsep

Halliday dan Hasan (1976) dalam menghasilkan wacana yang kohesif. Sebagaimana yang sedia diketahui bahawa wacana mempunyai bentuk dan makna. Dengan demikian kepaduan makna dan kerapian bentuk merupakan faktor penting untuk menentukan keutuhan wacana seperti rencana pengarang.

2.10 KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap kajian analisis wacana yang dilakukan oleh sarjana-sarjana bahasa tempatan, terutamanya bahasa Tamil, pengkaji mendapati belum ada satu kajianpun yang menyerupai atau hampir menyerupai tajuk kajian pengkaji. Bahkan usaha pengkaji mengaplikasi teori kohesi yang dipelopori oleh Halliday dan Hasan (1976) untuk menggambarkan hakikat wacana penulisan Tamil khususnya rencana pengarang dalam akhbar adalah sesuatu yang baru di Malaysia.

Oleh yang demikian, usaha menerapkan kerangka konsep Halliday dan Hasan dalam kajian wacana Bahasa Tamil adalah sesuatu yang tepat pada masanya. Kerangka konsep yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan menepati tujuan pengkaji untuk memberi konsep ketenunan bahasa dalam wacana Tamil. Kerangka konsep tersebut menampilkan perbezaan antara kohesi nahuan dan kohesi leksikal di antara bahagian-bahagian dalam sesebuah wacana. Ini amat bersesuaian sekali dengan wacana Tamil yang terbina berasaskan sistem nahu dan perkataan yang padu.

Selain itu, kerangka yang diusulkan oleh Harimurti Kridalaksana (1978) untuk menganalisis tahap keutuhan wacana juga didapati berkait dengan konsep Halliday dan Hasan (1976). Oleh itu, kerangka ini didapati sesuai untuk diadaptasikan bagi menilai tahap keutuhan wacana rencana pengarang dalam kajian ini. Kesimpulannya, kajian ini diyakini dapat memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan analisis wacana Tamil di Malaysia serta bidang-bidang yang berkaitan secara khasnya.